

Sukatan Pelajaran Syariah STPM Penggal Ketiga: *Takhrīj* Dan Analisis Hadis*[Third-Term STPM Syariah Syllabus: Takhrīj and Ḥadīth Analysis]*

Muhammad Syakir Mat Kamal

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ),
02600 Perlis, Malaysia, 02311041027@student.kuips.edu.myKhalilullah Amin Ahmad (*Corresponding author*)Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia
(USM), 11800 Pulau Pinang, Malaysia, amin@usm.my

Article

Progress:

Submission date:
05-05-2025Accepted date:
20-06-2025**ABSTRACT**

This study aims to examine the status of ḥadīths included in the Third-Term Syariah subject syllabus for the Malaysian Higher School Certificate (STPM). The inclusion of ḥadīths in educational syllabi requires critical verification, especially when such texts serve as primary references for thousands of students nationwide. Employing a qualitative research approach, this study utilises document analysis, inductive reasoning, content analysis, and the method of takhrīj al-ḥadīth. Twelve ḥadīths listed in the STPM Syariah syllabus were extracted and analysed using the method of takhrīj al-ḥadīth. The results reveal that 75% of the ḥadīths are ṣaḥīḥ, while 25% fall under the problematic categories. This finding demonstrates that not all ḥadīths presented in the syllabus meet the minimum standards of acceptability within the ḥadīth sciences. Furthermore, the presence of weak ḥadīths in educational materials may influence the formation of religious understanding among students and the public. The study recommends a comprehensive ḥadīth verification initiative across educational references to ensure only reliable narrations are used. It also advocates replacing problematic ḥadīths with sound alternatives available in established ḥadīth compilations. This research contributes to the field of ḥadīth studies by highlighting the importance of careful selection of narrations in contemporary Islamic education. The outcome of this study provides a foundation for further efforts to strengthen the authenticity of Islamic knowledge within Malaysia's national education system.

Keywords: Ḥadīth Authentication, Takhrīj al-Ḥadīth, Islamic Education, STPM Syllabus, Curriculum Analysis

PENDAHULUAN

Sukatan pelajaran bagi mata pelajaran agama Islam merupakan salah satu sumber rujukan moden yang mengandungi hadis dalam kandungannya. Secara umum, sukatan pelajaran merujuk kepada butir-butir ringkas daripada mata pelajaran yang diberikan di sekolah dan lain-lain

(Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Oleh yang demikian, sukatan pelajaran menjadi rujukan utama proses pengajaran, pembelajaran dan penilaian di sesebuah institusi pendidikan. Selain itu, setiap peringkat pendidikan atau persekolahan menggunakan sukatan pelajaran yang berbeza mengikut mata pelajaran yang ditawarkan. Pada peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) contohnya, mata pelajaran Syariah, Usuluddin dan Tahfiz al-Quran adalah mata pelajaran berkaitan agama Islam sepertimana yang dinyatakan dalam laman sesawang rasmi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2024). Setiap mata pelajaran tersebut mempunyai sukatan pelajaran yang tersendiri yang menjadi rujukan utama bagi guru-guru dan para pelajar yang terlibat dengan mata pelajaran tersebut.

Pada tahun 2015, kajian terhadap hadis dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua KBSM, iaitu buku teks berkaitan agama Islam yang digunakan di sekolah bukan aliran agama peringkat menengah, mendapati terdapat 49 buah hadis telah dimasukkan di dalamnya sebagai dalil dan sokongan terhadap fakta yang telah dihuraikan (Norhasnira Ibrahim et al., 2015). Kajian ini membuktikan bahawa hadis yang terdapat dalam bahan rujukan para pelajar memerlukan kepada analisis secara keseluruhan kerana kewujudan sesuatu hadis dalam bahan rujukan tersebut tidak semestinya dihukum *ṣaḥīḥ*.

Hadis-hadis yang dimuatkan dalam sukatan pelajaran bagi mata pelajaran Syariah STPM penggal ketiga adalah amat penting untuk dianalisis, kerana sukatan pelajaran tersebut telah menjadi rujukan yang sangat penting buat para pelajar STPM aliran Sains Sosial yang mengambil mata pelajaran Syariah di Malaysia. Hal ini dikuatkan lagi dengan fakta bahawa bilangan calon yang mendaftar untuk aliran Sains Sosial adalah jauh lebih ramai berbanding calon yang mendaftar untuk aliran Sains. Menurut laporan rasmi Majlis Peperiksaan Malaysia, bilangan calon yang mendaftar untuk menduduki peperiksaan STPM 2021 adalah sebanyak 42,369 calon. Jika bilangan tersebut dipecahkan kepada dua bahagian pula, bilangan calon yang mendaftar untuk aliran Sains Sosial adalah sebanyak 38,615 calon (91.14 peratus daripada jumlah pendaftaran keseluruhan), manakala bagi aliran Sains pula adalah sebanyak 3,754 calon (8.86 peratus daripada pendaftaran keseluruhan) (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2022). Oleh sebab itu, jelas bahawa majoriti pelajar STPM adalah daripada aliran Sains Sosial, yang mana mata pelajaran Syariah termasuk dalam senarai mata pelajaran yang boleh diambil dalam aliran tersebut. Semakin ramai pelajar yang mempelajari sesuatu hadis, maka kerja analisis hadis itu lebih diperlukan, kerana mudarat yang boleh menimpa masyarakat sekiranya hadis itu tidak

ṣaḥīḥ adalah lebih besar ketimbang sekiranya hadis itu hanya dipelajari oleh sejumlah kecil pelajar.

KAJIAN LITERATUR

Antara kajian terhadap hadis yang dimuatkan dalam bahan rujukan utama para pelajar ialah tesis sarjana bertajuk “*Analisis Hadis Dalam Buku Teks KAFA, JAKIM dan Buku Teks KSRA, JAIS*” yang ditulis oleh Abdul Latef alHadri (2019). Kajian ini bertujuan menganalisis hadis-hadis yang terdapat dalam buku teks Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan buku teks Kurikulum Sekolah Rendah Agama (KSRA) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti metodologi penulisan hadis dalam buku-buku tersebut dan mengenal pasti alternatif kepada hadis-hadis yang didapati bermasalah. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan terdapat 29 hadis (43%) bermasalah daripada kedua-dua buku teks dari segi kesilapan nukilan, lemah dan tidak *ṣaḥīḥ* manakala 39 hadis (57%) lagi merupakan hadis yang tidak bermasalah. Sebanyak 8 hadis (28%) daripada Buku Teks KAFA terdiri daripada hadis yang bermasalah berbanding 21 hadis (72%) daripada Buku Teks KSRA. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kedua-dua buku teks tidak menggunakan metodologi yang sesuai dalam penulisan hadis. Kesimpulannya, kedua-dua buku teks mengandungi beberapa hadis bermasalah dari segi kesilapan nukilan, lemah dan tidak *ṣaḥīḥ*. Kajian ini juga telah berhasil mencadangkan hadis yang *ṣaḥīḥ* sebagai alternatif kepada hadis-hadis bermasalah yang digunakan dalam buku-buku tersebut. Implikasi kajian menunjukkan bahawa penulisan hadis dalam buku teks sekolah juga perlu mengikut garis panduan penulisan hadis yang betul.

Bukan itu sahaja, antara kajian yang lain ialah tesis sarjana yang bertajuk “*Aḥādīth Maddatay al-Sharīʿah wa Uṣūl al-Dīn fī al-Madāris al-Thanaẓīyah al-Dīniyyah al-Māʾilīyyah: Dirāsah Naqdiyyah Taḥlīliyyah*” yang ditulis oleh Adi Hazmi Mohd Rusli (2023) dalam bahasa Arab. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis status hadis-hadis selain dalam *kutub sittah* yang terdapat dalam buku teks Syariah dan Usuluddin di sekolah menengah agama di Malaysia. Berdasarkan analisis terhadap 59 hadis yang telah diriwayatkan oleh selain daripada *kutub sittah* yang disebutkan dalam buku teks ini, pengkaji mendapati bahawa 8 hadis diterima, bersamaan dengan 14%, dan 51 hadis ditolak, bersamaan dengan 86%. Hal ini dapat dijelaskan dengan fakta bahawa bilangan hadis yang dinilai *ṣaḥīḥ* ialah 2 hadis, *ḥasan li-dhāṭih* ialah 1 hadis, *ḥasan li-ghayrih* ialah 5 hadis, *al-ḍaʿīf al-khafīf* ialah 35 hadis, dan *al-ḍaʿīf al-shadīd* ialah 16 hadis.

Selain itu, terdapat juga kajian *takhrīj* yang bertajuk “*Al-Aḥādīth al-Wāridah fī al-Kutub al-Madrasiyyah li al-Tarbiyah al-Islāmiyyah fī al-Madāris al-Ḥukūmiyyah bi-Māliziyyā: Dirāsah Taḥlīliyyah Naqdiyyah*” yang dilakukan oleh Noor Dashriman Noor Kaman (2013). Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk melakukan *takhrīj* dan kajian sanad serta matan terhadap hadis-hadis dalam buku-buku Pendidikan Islam di sekolah kerajaan di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan hadis yang dikaji dalam kajian ini adalah sama ada *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan*, manakala bilangan hadis *ḍaʿīf* pula sedikit, dan disertai hadis palsu. Secara terperinci ialah 9 hadis *ṣaḥīḥ*, 11 hadis *ḥasan*, 7 hadis *ḍaʿīf* ringan, dan 1 hadis palsu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif menerusi beberapa kaedah kajian, yang boleh dirangkumkan melalui dua kaedah:

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kaedah Analisis Dokumen. Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan maklumat daripada bahan-bahan rujukan berbentuk dokumen sama ada bahan bercetak atau tidak bercetak seperti buku, kitab, artikel, jurnal, kertas kerja dan catatan-catatan di internet. Melalui kaedah ini, pengkaji mengumpulkan hadis-hadis untuk di*takhrīj* dan dianalisis.

KAEDAH ANALISIS DATA

Segala maklumat dan data yang terkumpul melalui kaedah pengumpulan data di atas kemudiannya dianalisis menggunakan beberapa kaedah berikut:

1. Kaedah Induktif. Pendekatan induktif secara mudahnya bermaksud “bergerak dari perkara spesifik kepada perkara umum” (Soiferman, 2010). Pengkaji menggunakan pendekatan ini untuk mendapatkan kesimpulan tentang status hadis selepas dikumpulkan maklumat-maklumat berkaitan.
2. Kaedah Analisis Kandungan. Pengkaji akan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk menganalisis hadis-hadis yang telah dihimpunkan.
3. Kaedah *takhrīj al-ḥadīth*. Kaedah *takhrīj al-ḥadīth* digunakan untuk mendapatkan sanad kepada hadis-hadis kajian supaya dapat dikenal pasti kecacatan yang ada pada hadis-hadis berkenaan. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh ulama ketika mentakhrīj hadis, dan salah satu kaedah tersebut adalah dengan menggunakan teknologi perisian moden

seperti *al-Maktabah al-Shāmilah*. Antara perisian yang digunakan dalam kajian ini ialah *al-Maktabah al-Shāmilah* dan *Jawāmi' al-Kalim*.

Kaedah-kaedah yang disebutkan di atas menjadi panduan dalam kajian ini dan berikut dihuraikan langkah-langkah umum *takhrīj* yang digunakan dalam kajian ini secara ringkas:

- a. Carian sanad. Pengkaji berusaha mendapatkan sanad atau jalur bagi hadis-hadis kajian menggunakan perisian komputer, di samping membuat semakan dengan naskhah bercetak sekiranya perlu.
- b. Melalui sanad-sanad yang ditemui, pengkaji akan membentangkan jalur-jalur yang paling kuat dan berkait rapat dan dengan hadis kajian.
- c. Seterusnya, pengkaji akan berusaha mengenalpasti dan menyatakan kecacatan yang terdapat dalam sanad dan matan hadis tersebut sekiranya ada.
- d. Setelah itu, bagi hadis yang di bawah kategori *ṣaḥīḥ*, pengkaji akan berusaha mengenalpasti dan membentangkan jalur lain yang lebih kuat yang membantu proses *i'tibār* sekiranya ada.
- e. Akhir sekali, pengkaji akan membuat penilaian tentang status hadis tersebut berdasarkan hasil carian yang dijalankan.

4. Cara mencatat hasil *takhrīj*: Terdapat dua cara catatan hasil *takhrīj* dalam kajian ini:

- i. Catatan secara ringkas, iaitu dengan menyatakan rujukan hadis secara ringkas termasuk nombor jilid, nombor muka surat dan nombor hadis. Pengkaji menggunapakai cara ini untuk hadis-hadis yang terdapat dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan/atau *Ṣaḥīḥ Muslim*.
- ii. Catatan secara terperinci, iaitu dengan menyatakan rujukan hadis, titik pertemuan (*madān*) jalur-jalur periwayatan, status hadis, *mutāba'āt* serta *shawāhid*nya. Pengkaji menggunapakai cara ini untuk hadis-hadis yang terdapat dalam selain kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan/atau *Ṣaḥīḥ Muslim*.

DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN ANALISIS HADIS

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menukikan hadis berserta rujukan yang dimuatkan dalam sukatan pelajaran bagi mata pelajaran Syariah STPM penggal ketiga dan disusuli dengan kajian

takhrīj terhadap hadis tersebut. Sebelum berpindah kepada hadis seterusnya, pengkaji akan meletakkan kesimpulan status hadis berdasarkan kajian *takhrīj* yang telah dilakukan.

HADIS 1:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ مِمَّا يَلْحَقُ الْمُؤْمِنَ مِنْ عَمَلِهِ وَحَسَنَاتِهِ بَعْدَ مَوْتِهِ عِلْمًا عَلَّمَهُ وَنَشَرَهُ، وَوَلَدًا صَالِحًا تَرَكَهُ، وَمُصْحَفًا وَرَّثَهُ، أَوْ مَسْجِدًا بَنَاهُ، أَوْ بَيْتًا لِابْنِ السَّبِيلِ بَنَاهُ، أَوْ نَهْرًا أَجْرَاهُ، أَوْ صَدَقَةً أَخْرَجَهَا مِنْ مَالِهِ فِي صِحَّتِهِ وَحَيَاتِهِ، يَلْحَقُهُ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ

Terjemahan:

“Abū Hurayrah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya antara ganjaran kebaikan dan amalan yang akan terus diperoleh oleh seorang mukmin selepas kematiannya adalah: [1] ilmu yang diajarkan kepada orang lain dan disebarkannya, [2] anak-anak yang soleh yang ditinggalkan, [3] mashaf yang diwariskan, [4] masjid-masjid yang dibinanya, [5] atau rumah-rumah musafir di perjalanan yang didirikannya, [6] atau anak-anak sungai yang disalirkannya, [7] atau sedekah yang dikeluarkan daripada hartanya ketika dia sihat dan hidup. Ganjaran amalan-amalan ini akan berterusan selepas kematiannya” (Hadis riwayat Ibn Mājah).”

Takhrīj: Hadis ini diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam *Sunan* beliau (Ibn Mājah, 1952, 1:88, no. 242) dan Ibn Khuzaymah dalam kitab *Ṣaḥīḥ* beliau (Ibn Khuzaymah, 1412H, 4:121, no. 2490), menerusi Muḥammad bin Yaḥyā, daripada Muḥammad bin Wahb bin ‘Aṭīyah, daripada al-Walīd bin Muslim, daripada Marzūq bin Abī al-Hudhayl, daripada al-Zuhrī, daripada Abū Hurayrah r.a.. Dalam sanad hadis ini terdapat Marzūq bin Abī al-Hudhayl. Beliau merupakan perawi *ḍa‘īf* (Ibn Ḥajar, 1986, hal. 522, no. 6554). Tambahan pula, beliau bersendirian meriwayatkan hadis ini daripada al-Zuhrī sedangkan al-Zuhrī mempunyai ramai anak murid lain yang lebih rapat dan lebih *thiqah*. Kata ibn Ḥibbān dalam *al-Majrūḥīn*:

يُنْفَرُ عَنِ الزُّهْرِيِّ بِالْمَنَاقِبِ الَّتِي لَا أَصُولَ لَهَا مِنْ حَدِيثِ الزُّهْرِيِّ كَانَ الْعَالِبَ عَلَيْهِ سَوْءُ الْحِفْظِ فَكَثُرَ وَهْمُهُ فَهُوَ فِيْمَا انْفَرَدَ بِهِ مِنَ الْأَخْبَارِ سَاقِطُ الْإِحْتِجَاجِ بِهِ وَفِيْمَا وَافَقَ الثِّقَاتَ حُجَّةٌ إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Terjemahan:

“Beliau (Marzūq bin Abī al-Hudhayl) banyak bersendirian meriwayatkan hadis-hadis *munkar* yang tiada asal daripada hadis al-Zuhrī. Kebanyakan keadaannya adalah hafalan yang teruk, disebabkan itu banyakkah *wahannya*, jadi riwayat yang beliau bersendirian meriwayatkannya adalah

tidak menjadi hujah, berbeza sekiranya riwayat itu selari dengan para perawi yang *thiqah* maka ia menjadi hujah, insya-Allah.” (Ibn Hibbān, 1396H, 3:38).

Al-Bukhārī juga dilihat agak selari dengan penilaian Ibn Hibbān. Kata al-Bukhārī:

يَعْرِفُ وَيُنْكِرُ

Terjemahan:

“Beliau (Marzūq bin Abī al-Hudhayl) ada masa meriwayatkan hadis *ma'rūf*, dan ada masa meriwayatkan hadis *munkar*.” (Al-'Uqaylī, 1404H, 4:209, no. 1795).

Oleh itu, hadis ini sangat *ḍa'īf*.

Kesimpulan: Hadis ini sangat *ḍa'īf* (*ḍa'īf jiddan*).

HADIS 2:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «أَتَذَرُونَ مَا الْمُفْلِسُ؟» قَالُوا: الْمُفْلِسُ فِينَا مَنْ لَا دِرْهَمَ لَهُ، وَلَا مَتَاعَ، فَقَالَ: «إِنَّ الْمُفْلِسَ مِنْ أُمَّتِي يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِصَلَاةٍ وَصِيَامٍ وَزَكَاةٍ، وَيَأْتِي قَدْ شَتَمَ هَذَا، وَقَذَفَ هَذَا، وَأَكَلَ مَالَ هَذَا، وَسَفَكَ دَمَ هَذَا، وَضَرَبَ هَذَا فَيُعْطَى هَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ، وَهَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ، فَإِنْ فَنِيَتْ حَسَنَاتُهُ قَبْلَ أَنْ يُقْضَى مَا عَلَيْهِ، أُخِذَ مِنْ خَطَايَاهُمْ فَطُرِحَتْ عَلَيْهِ، ثُمَّ طُرِحَ فِي النَّارِ»

Terjemahan:

“Daripada Abū Hurayrah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tahukah kamu siapakah orang yang muflis?” Para sahabat menjawab: “Bagi kami orang yang muflis ialah orang yang tidak memiliki wang mahupun harta benda.” Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda lagi: “Sebenarnya orang yang muflis dalam kalangan umatku ialah mereka yang pada hari kiamat datang dengan membawa pahala amal solat, puasa, zakat dan haji tetapi semasa di dunia mereka pernah mencaci maki orang, menuduh tanpa bukti, memakan harta dengan zalim, membunuh dan memukul sesuka hati. Lalu pada hari kiamat, orang yang dizalimi akan menerima pahala amal si penzalim. Jika pahala amalnya telah habis diberikan sedangkan kesalahan dan dosanya semasa di dunia kepada orang yang tidak berdosa masih banyak, maka Allah SWT akan memberi pula dosa orang yang dizalimi itu kepadanya sehingga semakin berat bebannya, lalu Allah SWT campakkan dia ke dalam neraka” (Hadis riwayat Muslim).”

Takhrīj: Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab *Ṣaḥīḥ* beliau (Muslim, 1955, 4:1997, no. 2581).

Kesimpulan: Hadis ini *ṣaḥīḥ*.

HADIS 3:

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ: مَا اسْتَفَادَ الْمُؤْمِنُ بَعْدَ تَقْوَى اللَّهِ خَيْرًا لَهُ مِنْ زَوْجَةٍ صَالِحَةٍ، إِنْ أَمَرَهَا أَطَاعَتْهُ، وَإِنْ نَظَرَ إِلَيْهَا سَرَّتَهُ، وَإِنْ أَقْسَمَ عَلَيْهَا أَبْرَتَهُ، وَإِنْ غَابَ عَنْهَا نَصَحَتْهُ فِي نَفْسِهَا وَمَالِهِ

Terjemahan:

“Daripada Abū Umāmah r.a., beliau meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. bahawa baginda bersabda: “Tiada faedah yang paling baik diperoleh seorang mukmin (suami yang beriman) selepas bertakwa kepada Allah SWT selain isteri yang solehah. Apabila suami menyuruhnya, dia mentaatinya. Jika suami memandangnya, dia menggembirakan hati suaminya. Jika suaminya bersumpah, dia memenuhinya. Jika dia ditinggal pergi suaminya, dia menjaga maruahnyanya dan maruah suaminya serta menjaga harta benda suaminya” (Hadis riwayat Ibn Mājah).”

Takhrīj: Hadis ini diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam *Sunan* beliau (Ibn Mājah, 1952, 1:596, no. 1857), al-Ṭabarānī dalam *al-Muʿjam al-Kabīr* (Al-Ṭabarānī, 1404H, 8:222, no. 7881), dan Ibn ʿAsākir dalam *Tārīkh Dimashq* (Ibn ʿAsākir, 1995, 43:279), menerusi Hishām bin ʿAmmār, daripada Ṣadaqah bin Khālīd, daripada ʿUthmān bin Abī al-ʿĀtikah, daripada ʿAlī bin Yazīd al-Alhānī, daripada al-Qāsim bin ʿAbd al-Raḥmān, daripada Abū Umāmah al-Bāhilī r.a.. Sanad hadis ini bermasalah kerana ʿAlī bin Yazīd al-Alhānī termasuk dalam kategori perawi yang sangat *ḍaʿīf*. Al-Bukhārī (Al-Bukhārī, 2019, 7:379, no. 8437) dan Abū Ḥātim al-Rāzī (Ibn Abī Ḥātim, 1952, 6:209) menilai hadisnya *munkar*, dan dia dinilai *matrūk* oleh Abū al-Faṭḥ al-Azdī dan lain-lain (Al-Mizzī, 1992, 21:182). Oleh itu, hadis ini sangat *ḍaʿīf*.

Kesimpulan: Hadis ini sangat *ḍaʿīf*.

HADIS 4:

عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْأَخْوَصِ، حَدَّثَنِي أَبِي، أَنَّهُ شَهِدَ حَجَّةَ الْوَدَاعِ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَحَمِدَ اللَّهُ وَأَثْنَى عَلَيْهِ وَذَكَرَ وَوَعَّظَ، ثُمَّ قَالَ: «اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا، فَإِنَّهُنَّ عِنْدَكُمْ عَوَانٍ، لَيْسَ تَمْلِكُونَ مِنْهُنَّ شَيْئًا غَيْرَ ذَلِكَ، إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُبَيَّنَةٍ، فَإِنْ فَعَلْنَ فَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ ضَرْبًا غَيْرَ مُبْرِحٍ، فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا، إِنَّ لَكُمْ مِنْ نِسَائِكُمْ حَقًّا، وَلِنِسَائِكُمْ عَلَيْكُمْ حَقًّا، فَأَمَّا حَقُّكُمْ عَلَى نِسَائِكُمْ: فَلَا يُوطِئَنَّ فُرُشَكُمْ مَنْ تَكْرَهُونَ، وَلَا يَأْذَنَنَّ فِي بُيُوتِكُمْ لِمَنْ تَكْرَهُونَ، أَلَا وَحَقُّهُنَّ عَلَيْكُمْ أَنْ تُحْسِنُوا إِلَيْهِنَّ فِي كِسْوَتِهِنَّ وَطَعَامِهِنَّ»

Terjemahan:

“Daripada Sulaymān bin ‘Amr bin al-Aḥwaṣ, ayahku memberitahuku bahawa dia menunaikan haji widak bersama Nabi s.a.w.. Lalu suatu ketika Nabi memberi peringatan: “Berbuat baiklah kepada kaum wanita, kerana sesungguhnya mereka di sisi kalian adalah seperti tawanan. Kalian tidak berhak atas mereka sedikit pun selain hal itu, melainkan jika mereka melakukan perbuatan yang keji dengan jelas. Jika mereka melakukan hal tersebut maka berpisahlah tempat tidur dengan mereka, dan pukullah mereka dengan pukulan yang tidak mencederakan. Jika mereka mentaati kalian, maka janganlah kamu mencari-cari jalan (alasan-alasan) ke atas mereka. Sesungguhnya kalian mempunyai hak ke atas isteri kalian sebagaimana isteri kalian mempunyai hak ke atas diri kalian. Adapun hak kalian ke atas isteri kalian ialah dia tidak membiarkan seseorang yang kalian tidak senangi menginjakkan kaki di atas tempat tidur kalian dan tidak mengizinkan orang-orang yang kalian tidak senangi masuk ke dalam rumah. Hak mereka ke atas kalian pula ialah memberikan mereka pakaian dan makanan (menafkahi mereka) dengan cara yang baik” (Hadis riwayat Ibn Mājah).”

Takhrīj: Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam *Sunan* beliau (Al-Tirmidhī, 2009, 3:21, no. 1197; 5:320, no. 3341), Ibn Mājah dalam *Sunan* beliau (Ibn Mājah, 1952, 1:594, no. 1851) dan al-Nasā’ī dalam *al-Sunan al-Kubrā* (Al-Nasā’ī, 2001, 8:264, no. 9124), menerusi al-Ḥusayn bin ‘Alī, daripada Zā’idah bin Qudāmah, daripada Shabīb bin Gharqadah, daripada Sulaymān bin ‘Amr bin al-Aḥwaṣ, daripada ‘Amr bin al-Aḥwaṣ r.a.. Sanad ini berstatus *ḥasan* kerana Sulaymān bin ‘Amr termasuk dalam kategori perawi *ḥasan* (Ibn Ḥajar, 1986, hal. 253, no. 2598), namun ada *shāhid* yang menyokong sanad ini, iaitu hadis Jābir bin ‘Abd Allāh r.a. yang diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab *Ṣaḥīḥ* beliau (Muslim, 1955, 2:886, no. 1218). Oleh itu, hadis ini *ṣaḥīḥ*.

Kesimpulan: Hadis ini *ṣaḥīḥ*.

HADIS 5:

عَنْ زَيْدِ بْنِ زُبَيَّانَ، يَرْفَعُهُ إِلَى أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: ثَلَاثَةٌ يُحِبُّهُمْ اللَّهُ، وَثَلَاثَةٌ يُبْغِضُهُمُ اللَّهُ، فَأَمَّا الَّذِينَ يُحِبُّهُمْ اللَّهُ، فَرَجُلٌ أَتَى قَوْمًا فَسَأَلَهُمْ بِاللَّهِ وَمَا يَسْأَلُهُمْ بِقَرَابَةٍ بَيْنَهُ وَبَيْنَهُمْ فَمَنْعُوهُ، فَتَخَلَّفَ رَجُلٌ بِأَعْقَابِهِمْ فَأَعْطَاهُ سِرًّا لَا يَعْلَمُ بِعَطِيَّتِهِ إِلَّا اللَّهُ، وَالَّذِي أَعْطَاهُ، وَقَوْمٌ سَارُوا لَيْلَتَهُمْ حَتَّى إِذَا كَانَ النَّوْمُ أَحَبَّ إِلَيْهِمْ مِمَّا يُعْدَلُ بِهِ نَزَلُوا فَوَضَعُوا رُءُوسَهُمْ، فَقَامَ أَحَدُهُمْ يَتَمَلَّقُنِي وَيَتَلَوُّ آيَاتِي، وَرَجُلٌ كَانَ فِي سَرِيَّةٍ فَلَقِيَ الْعَدُوَّ فَهَزَمُوا وَأَقْبَلَ بِصَدْرِهِ حَتَّى يُقْتَلَ أَوْ يُفْتَحَ لَهُ، وَالثَّلَاثَةُ الَّذِينَ يُبْغِضُهُمُ اللَّهُ: الشَّيْخُ الزَّانِي، وَالْفَقِيرُ الْمُجْتَالُ، وَالْعَنِيِّ الظَّالِمُ.

Terjemahan:

“Daripada Zayd bin Zabyān, beliau meriwayatkan daripada Abū Dharr r.a., bahawa Nabi s.a.w. bersabda: “Ada tiga orang yang dikasihi oleh Allah dan tiga orang dibenci oleh Allah. Adapun yang dikasihi oleh Allah, [1] yang pertama adalah orang yang datang kepada satu kaum lalu meminta kepada mereka dengan nama Allah, dia tidak meminta kerana ada hubungan kekerabatan antara dia dengan mereka, namun kaum itu menolaknya. Lalu ada seorang dari kaum itu pergi secara sembunyi-sembunyi dan memberikan sesuatu kepada lelaki yang meminta tadi. Tiada yang mengetahui pemberiannya selain Allah dan orang yang diberinya. [2] Yang kedua, satu kaum yang berjalan pada malam hari hingga apabila keinginan untuk tidur lebih mereka sukai dari yang lain, mereka pun singgah lalu meletakkan kepala mereka (tidur). Namun ada seorang lelaki yang bangun bermunajat kepada-Nya dan membaca ayat-ayat-Nya. [3] Yang ketiga, seorang yang berada dalam barisan pasukan lalu bertemu dengan musuh. Ketika pasukannya hancur, dia mara menghadapkan dadanya sehingga terbunuh atau mendapat kemenangan. Sedangkan tiga orang yang dibenci oleh Allah pula adalah [1] orang tua yang berzina, [2] orang fakir yang sombong, [3] dan orang kaya yang zalim” (Hadis riwayat al-Tirmidhī).”

Takhrīj: Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam kitab *Sunan* beliau (Al-Tirmidhī, 2009, 4:531–532, no. 2750), al-Nasā’ī dalam kitab *Sunan* beliau (Al-Nasā’ī, 2018, 5:119, no. 2570), dan Aḥmad dalam *al-Musnad* (Aḥmad bin Ḥanbal, 2001, 35:285, no. 21355), menerusi Muḥammad bin Ja‘far, daripada Shu‘bah, daripada Manṣūr bin al-Mu‘tamir, daripada Rib‘ī bin Ḥirāsh, daripada Zayd bin Zabyān, daripada Abū Dharr r.a.. Sanad hadis ini *ḍa‘īf* kerana Zayd bin Zabyān ini tidak dikenali (*majhūl*) (Bashshār ‘Awwād Ma‘rūf & Shu‘ayb al-Arnā‘ūt, 1997, 1:435, no. 2142). Oleh itu, hadis ini *ḍa‘īf*.

Kesimpulan: Hadis ini *ḍa‘īf*.

HADIS 6:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ، عَنْ جَدِّهِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: خَصَلَتَانِ مَنْ كَانَتْ فِيهِ كَتَبَهُ اللَّهُ شَاكِرًا صَابِرًا، وَمَنْ لَمْ تَكُنَا فِيهِ لَمْ يَكْتُبْهُ اللَّهُ شَاكِرًا وَلَا صَابِرًا: مَنْ نَظَرَ فِي دِينِهِ إِلَى مَنْ هُوَ فَوْقَهُ فَافْتَدَى بِهِ، وَمَنْ نَظَرَ فِي دُنْيَاهُ إِلَى مَنْ هُوَ دُونَهُ فَحَمِدَ اللَّهَ عَلَى مَا فَضَّلَهُ بِهِ عَلَيْهِ كَتَبَهُ اللَّهُ شَاكِرًا وَصَابِرًا، وَمَنْ نَظَرَ فِي دِينِهِ إِلَى مَنْ هُوَ دُونَهُ، وَنَظَرَ فِي دُنْيَاهُ إِلَى مَنْ هُوَ فَوْقَهُ فَأَسَفَ عَلَى مَا فَاتَهُ مِنْهُ لَمْ يَكْتُبْهُ اللَّهُ شَاكِرًا وَلَا صَابِرًا.

Terjemahan:

“Daripada ‘Amr bin Shu‘ayb, beliau meriwayatkan daripada datuknya, ‘Abd Allāh bin ‘Amr r.a., bahawa beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: “Ada dua perkara yang barang siapa memilikinya maka Allah akan mencatat dia sebagai seorang yang bersyukur dan penyabar, dan barangsiapa yang tidak memiliki keduanya maka Allah tidak mencatat dia sebagai seorang yang bersyukur dan penyabar, iaitu [1] barangsiapa yang melihat (mengukur) agamanya dengan orang yang lebih tinggi darinya lalu dia mengikutinya, [2] dan barangsiapa yang melihat (mengukur) dunianya dengan orang yang lebih rendah darinya lalu dia memuji Allah atas kurnia yang diberikan kepadanya, maka Allah akan mencatat dia sebagai seorang yang bersyukur dan penyabar, namun [1] barangsiapa yang melihat agamanya dengan orang yang lebih rendah darinya dan [2] melihat dunianya dengan orang yang lebih tinggi darinya dan dia bersedih atas dunia yang tidak diperolehinya, maka Allah tidak mencatatnya sebagai seorang yang bersyukur dan penyabar” (Hadis riwayat al-Tirmidhī).”

Takhrīj: Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam kitab *Sunan* beliau (Al-Tirmidhī, 1975, 4:486, no. 2680), Ibn Abī al-Dunyā dalam kitab *al-Shukr* (Ibn Abī al-Dunyā, 1980, hal. 69, no. 204), dan Ibn al-Sunnī dalam kitab *‘Amal al-Yawm wa al-Laylah* (Ibn al-Sunnī, n.d., hal. 269, no. 309), daripada al-Muthannā bin al-Ṣabbāḥ, daripada ‘Amr bin Shu‘ayb, daripada ayahnya Shu‘ayb bin Muḥammad, daripada datuknya ‘Abd Allāh bin ‘Amr r.a.. Sanad riwayat ini *ḍa‘īf* kerana al-Muthannā bin al-Ṣabbāḥ merupakan perawi yang *ḍa‘īf* (Ibn Ḥajar, 1986, hal. 519, no. 6471). Meskipun begitu, sanad riwayat ini dikuatkan oleh sanad riwayat al-Ṭabarānī dalam *Musnad al-Shāmiyyīn* yang juga *ḍa‘īf* (Al-Ṭabarānī, 1984, 2:303, no. 1387), daripada jalur Sulaymān bin Sulaym, daripada ‘Amr bin Shu‘ayb dan seterusnya. Sanad ini *ḍa‘īf* kerana perawi bernama Baqiyyah bin al-Walīd adalah perawi *ḍa‘īf* (Bashshār ‘Awwād Ma‘rūf & Shu‘ayb al-Arnā’ūt, 1997, 1:179, no. 734). Tambahan pula, hadis ini mempunyai *shāhid* daripada hadis

Anas bin Mālik r.a. yang diriwayatkan oleh Yaḥyā bin Sallām dalam kitab *Tafsīr* beliau (Yaḥyā bin Sallām, 2004, 1:294). Sanad riwayat ini *ḥasan* kerana perawi bernama Khālīd bin Ḥayyān termasuk dalam kategori perawi *ḥasan* (Ibn Ḥajar, 1986, hal. 187, no. 1622). Oleh itu, hadis ini *ṣaḥīḥ li-ghayrih* atas dasar kolektif antara jalur yang *ḥasan li-dhātih* dengan *ḥasan li-ghayrih*.

Kesimpulan: Hadis ini *ṣaḥīḥ*.

HADIS 7:

عَنْ مِقْدَامِ بْنِ مَعْدِي كَرِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَا مَلَأَ آدَمِيٌّ وَعَاءً شَرًّا مِنْ بَطْنٍ، بِحَسْبِ ابْنِ آدَمَ أَكْلَاتٍ يُقْمَنُ صُلْبُهُ، فَإِنْ كَانَ لَا مَحَالَةَ، فَثُلُثٌ لِبَطْنِهِ، وَثُلُثٌ لَشَرَابِهِ، وَثُلُثٌ لِنَفْسِهِ.

Terjemahan:

“Daripada Miqdām bin Ma’dī Karib r.a., beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: “Manusia tidak memenuhi wadah yang lebih buruk melebihi perut, cukup bagi manusia beberapa suapan yang menegakkan tulang sulbinya. Jika dia tidak mampu, maka sepertiga untuk makanannya, sepertiga untuk minumannya dan sepertiga untuk nafasnya” (Hadis riwayat al-Tirmidhī).”

Takhrīj: Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam kitab *Sunan* beliau (Al-Tirmidhī, 1975, 4:391, no. 2537), Aḥmad dalam kitab beliau *al-Musnad* (Aḥmad, 2001, 28:422, no. 17186), dan al-Ḥākim dalam kitab beliau *al-Mustadrak* (Al-Ḥākim, 2018, 8:308, no. 7357; 9:66–67, no. 8183), menerusi Yaḥyā bin Jābir al-Ṭā’ī, daripada al-Miqdād bin Ma’dī Karib r.a.. Sarjana gergasi ilmu ‘ilal hadis, Abū Ḥātim berkata sepertimana yang diriwayatkan oleh anak beliau dalam *al-Jarḥ wa al-Ta’dīb*:

يَحْيَى بْنُ جَابِرٍ الطَّائِفِيُّ الْقَاضِي رَوَى عَنِ الْمِقْدَامِ بْنِ مَعْدِي كَرِبٍ، مُرْسَلٌ ... سَمِعْتُ أَبِي يَقُولُ ذَلِكَ

Terjemahan:

“Riwayat Yaḥyā bin Jābir al-Ṭā’ī daripada al-Miqdād bin Ma’dī Karib adalah *mursal*... Aku dengar ayahku (Abū Ḥātim) berkata demikian”. (Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī, 1952, 9:133, no. 559)

Itulah kenyataan beliau, meskipun jelas dalam sebahagian riwayat, Yaḥyā bin Jābir mengungkapkan secara jelas (*taṣnīḥ*) bahawa beliau mendengar hadis ini secara langsung daripada al-Miqdād, contohnya riwayat Aḥmad dalam kitab *al-Musnad* (Aḥmad, 2001, 28:422, no. 17186) dan al-Ḥākim dalam kitab *al-Mustadrak* (Al-Ḥākim, 2018, 9:66–67, no. 8183). Andai diterima

bahawa jalur ini *ḍa'īf*, maka tetap hadis ini boleh dinilai *ṣaḥīḥ* berdasarkan kolektif jalur-jalurnya (*bi-majmū' ṭuruqih*). Hadis ini turut diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam kitab *Sunan* beliau (Ibn Mājah, 1952, 2:1111, no. 3349), al-Nasā'ī dalam *al-Sunan al-Kubrā* (Al-Nasā'ī, 2001, 6:268, no. 6737), al-Ṭabarānī dalam *al-Mu'jam al-Kabīr* (Al-Ṭabarānī, 1404H, 20:279, no. 662), Ibn Ḥibbān dalam *Ṣaḥīḥ* beliau (Ibn Bulbān, 2012, 12:41, no. 1595), al-Bayhaqī dalam *Shu'ab al-Īmān* (Al-Bayhaqī, 2000, 5:28, no. 5649), dan Ibn Abī al-Dunyā dalam kitab *al-Jū'* (Ibn Abī al-Dunyā, 1997, hal. 23, no. 1), dengan jalur-jalur yang bertemu pada al-Miqdām bin Ma'dī Karib, yang mana menunjukkan bahawa bukan Yahyā bin Jābir seorang sahaja yang meriwayatkan hadis ini daripada al-Miqdād. Jalur Ibn Abī al-Dunyā ini *ḥasan* kerana Ibn Abī al-Dunyā termasuk dalam kategori perawi *ḥasan* (Ibn Ḥajar, 1986, hal. 321, no. 3591), sementara jalur-jalur lain tidak terlepas daripada kelemahan yang ringan, contohnya jalur al-Nasā'ī yang *ḍa'īf* disebabkan perawi bernama Ṣāliḥ bin Yahyā yang merupakan perawi *ḍa'īf* (Ibn Ḥajar, 1986, hal. 274, no. 2888). Apa-apa pun, himpunan jalur-jalur ini menguatkan antara satu sama lain. Oleh sebab itu, hadis ini *ṣaḥīḥ li-ghayrih* atas dasar kolektif antara jalur yang *ḥasan li-dhātih* dengan jalur-jalur yang *ḥasan li-ghayrih*, wallahualam.

Kesimpulan: Hadis ini *ṣaḥīḥ*.

HADIS 8:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ، وَفِي كُلِّ خَيْرٍ، احْرِصْ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ، وَاسْتَعِزْ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ، وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ: لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَانَ كَذَا وَكَذَا، وَلَكِنْ قُلْ: قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ، فَإِنَّ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ.

Terjemahan:

“Daripada Abū Hurayrah r.a. beliau berkata; Rasulullah s.a.w. bersabda: “Orang mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah SWT berbanding orang mukmin yang lemah. Pada masing-masing memang terdapat kebaikan. Capailah dengan bersungguh-sungguh apa yang berguna bagimu, mohonlah pertolongan kepada Allah dan janganlah kamu menjadi orang yang lemah. Apabila kamu tertimpa suatu musibah, maka janganlah kamu mengatakan: “Seandainya tadi aku berbuat begini dan begitu, nescaya tidak akan menjadi begini dan begitu”, tetapi katakanlah: “Ini sudah takdir Allah dan apa yang dikehendaki-Nya pasti akan dilaksanakan-Nya”. Hal ini kerana sesungguhnya ungkapan kata-kata “seandainya” akan membuka jalan bagi kerja syaitan”. (Hadis riwayat Muslim)

Takhrīj: Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab *Ṣaḥīḥ* beliau (Muslim, 1955, 4:2052, no. 2664).

Kesimpulan: Hadis ini *ṣaḥīḥ*.

HADIS 9:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا تَلْقُوا الرُّكْبَانَ، وَلَا يَبِيعُ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ، وَلَا تَنَاجَشُوا، وَلَا يَبِيعُ حَاضِرٌ لِبَادٍ، وَلَا تُصَرُّوا الْغَنَمَ، وَمَنْ ابْتَاعَهَا فَهُوَ بِخَيْرِ النَّظَرَيْنِ بَعْدَ أَنْ يَحْتَلِبَهَا: إِنْ رَضِيَهَا أَمْسَكَهَا، وَإِنْ سَخِطَهَا رَدَّهَا وَصَاعًا مِنْ تَمْرٍ.

Terjemahan:

“Daripada Abū Hurayrah r.a., beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Janganlah kamu memintas rombongan. Jangan pula sebahagian kamu menjual atas jualan orang lain, dan janganlah melebihi harga tanpa niat membeli, dan janganlah orang kota menjual untuk orang desa. Janganlah kamu menahan susu dari kambing. Jika sesiapa membeli kambing itu, maka dia berhak memilih setelah memerah susunya. Jika dia reda maka diambalnya. Jika dia marah, dikembalikannya dengan satu gantang kurma”. (Hadis riwayat al-Bukhārī)

Takhrīj: Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam kitab *Ṣaḥīḥ* beliau (Al-Bukhārī, 1993, 2:755, no. 2043) dan Muslim dalam kitab *Ṣaḥīḥ* beliau (Muslim, 1955, 3:1155, no. 1515). Lafaz yang dipilih adalah lafaz riwayat al-Bukhārī.

Kesimpulan: Hadis ini *ṣaḥīḥ*.

HADIS 10:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ عَامَ الْفَتْحِ، وَهُوَ بِمَكَّةَ: «إِنَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ حَرَّمَ بَيْعَ الْخَمْرِ وَالْمَيْتَةِ وَالْخَنَزِيرِ وَالْأَصْنَامِ». فَقِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَرَأَيْتَ شُحُومَ الْمَيْتَةِ، فَإِنَّهَا يُطْلَى بِهَا السُّفْنُ، وَيُدْهَنُ بِهَا الْجُلُودُ، وَيَسْتَصْبَحُ بِهَا النَّاسُ؟ فَقَالَ: «لَا، هُوَ حَرَامٌ». ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ ذَلِكَ: «قَاتَلَ اللَّهُ الْيَهُودَ؛ إِنَّ اللَّهَ لَمَّا حَرَّمَ شُحُومَهَا جَمَلُوهَا، ثُمَّ بَاعُوهَا، فَأَكَلُوا ثَمَنَهُ»

Terjemahan:

“Daripada Jābir bin ‘Abd Allāh r.a., bahawa dia telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda pada tahun pembukaan kota Mekah, ketika berada di Mekah: “Sesungguhnya Allah dan rasul-Nya telah mengharamkan arak, bangkai, babi dan patung-patung berhala.” Ada orang bertanya:

“Wahai Rasulullah. Apa pandanganmu tentang lemak dari bangkai? Ia digunakan untuk mengecat kapal, meminyaki kulit-kulit dan orang ramai menggunakannya sebagai minyak untuk pelita.” Baginda bersabda: “Tidak. Ia tetap haram.” Kemudian sabda baginda lagi: “Laknat Allah ke atas Yahudi. Ketika Allah mengharamkan lemak haiwan, mereka mencairkannya kemudian dijual dan mereka makan harganya (hasil jualannya)”. (Hadis riwayat al-Bukhārī)

Takhrīj: Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam kitab *Ṣaḥīḥ* beliau (Al-Bukhārī, 1993, 2:779, no. 2121) dan Muslim dalam kitab *Ṣaḥīḥ* beliau (Muslim, 1955, 3:1207, no. 1581). Lafaz yang dipilih adalah lafaz riwayat al-Bukhārī.

Kesimpulan: Hadis ini *ṣaḥīḥ*.

HADIS 11:

عَنْ أَبِي حُمَيْدٍ السَّاعِدِيِّ قَالَ: اسْتَعْمَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا مِنَ الْأَسَدِ يُقَالُ لَهُ: ابْنُ اللَّتْبِيَّةِ، قَالَ عَمْرُو، وَابْنُ أَبِي عُمَرَ: عَلَى الصَّدَقَةِ، فَلَمَّا قَدِمَ قَالَ: هَذَا لَكُمْ وَهَذَا لِي، أَهْدِي لِي، قَالَ: فَقَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمِنْبَرِ، فَحَمِدَ اللَّهَ وَاتَّقَى عَلَيْهِ، وَقَالَ: مَا بَالُ غَامِلٍ أَبْعَثُهُ فَيَقُولُ: هَذَا لَكُمْ وَهَذَا أَهْدِي لِي، أَفَلَا قَعَدَ فِي بَيْتِ أَبِيهِ أَوْ فِي بَيْتِ أُمِّهِ حَتَّى يَنْظُرَ أَيُّهُدَى إِلَيْهِ أَمْ لَا، وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ، لَا يَنَالُ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنْهَا شَيْئًا، إِلَّا جَاءَ بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَحْمِلُهُ عَلَى عُنُقِهِ: بَعِيرٌ لَهُ رُغَاءٌ، أَوْ بَقَرَةٌ هَا خَوَارٌ، أَوْ شَاةٌ تَيْعَرُ. ثُمَّ رَفَعَ يَدَيْهِ حَتَّى رَأَيْنَا عُقْرَتِي إِبْطِيهِ، ثُمَّ قَالَ: اللَّهُمَّ هَلْ بَلَغْتُ؟ مَرَّتَيْنِ.

Terjemahan:

“Daripada Abū Ḥumayd al-Sā’idī, beliau berkata, “Rasulullah s.a.w. menugaskan seorang lelaki dari suku al-Asad bernama Ibn Lutbiyyah – ‘Amr dan Ibn Abū ‘Umar berkata: untuk mengumpulkan harta zakat -. Ketika dia menyerahkan zakat yang dipungutnya, dia berkata, “Zakat ini saya serahkan kepada tuan dan ini pemberian orang kepada saya”. Rasulullah s.a.w. lalu bangun dan berkhotbah di atas mimbar, setelah memuji-muji Allah, baginda bersabda: “Ada seorang petugas yang aku tugaskan memungut zakat, dia berkata, “Zakat ini saya berikan kepada tuan, dan ini pemberian orang kepada saya”. Mengapa dia tidak duduk saja di rumah ibu bapanya menunggu orang menghantar hadiah kepadanya? Demi Allah yang jiwa Muhammad berada di Tangan-Nya, tidak ada seorang pun di antara kalian yang menggelapkan zakat ketika dia ditugaskan untuk memungutnya, melainkan pada hari kiamat kelak dia akan memikul unta yang digelapkannya itu melenguh-lenguh di lehernya, atau sapi (lembu) yang melenguh, atau kambing yang mengembek”. Kemudian baginda mengangkat kedua-dua tangannya sehingga kami melihat

putih kedua ketiaknya, kemudian baginda bersabda: “Ya Allah, adakah aku telah sampaikan?”, sebanyak dua kali” (Hadis riwayat Muslim).”

Takhrīj: Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam kitab *Ṣaḥīḥ* beliau (Al-Bukhārī, 1993, 2:917, no. 2457; 6:2446, no. 6260; 6:2624, no. 6753), dan Muslim dalam kitab *Ṣaḥīḥ* beliau (Muslim, 1955, 3:1463, no. 1832). Lafaz yang dipilih adalah lafaz riwayat Muslim.

Kesimpulan: Hadis ini *ṣaḥīḥ*.

HADIS 12:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: حَضَرْتُ أَبِي حِينَ أُصِيبَ، فَأَثْنَوْا عَلَيْهِ، وَقَالُوا: جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا. فَقَالَ: رَاغِبٌ وَرَاهِبٌ. قَالُوا: اسْتَخْلِفْ، فَقَالَ: أَتَحْمَلُ أَمْرَكُمْ حَيًّا وَمَيِّتًا، لَوْ دِدْتُ أَنَّ حَظِّي مِنْهَا الْكَفَافُ، لَا عَلَيَّ وَلَا لِي، فَإِنْ أَسْتَخْلِفَ فَقَدْ اسْتَخْلَفَ مَنْ هُوَ خَيْرٌ مِنِّي، (يَعْنِي أَبَا بَكْرٍ)، وَإِنْ أَتْرُكُكُمْ فَقَدْ تَرَكْتُكُمْ مَنْ هُوَ خَيْرٌ مِنِّي رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. قَالَ عَبْدُ اللَّهِ: فَعَرَفْتُ أَنَّهُ حِينَ ذَكَرَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَيْرَ مُسْتَخْلِفٍ.

Terjemahan:

“Daripada Ibn ‘Umar r.a., beliau berkata: “Aku turut hadir ketika ayahku kena musibah (cedera ditikam). Para sahabat yang hadir memuji-mujinya (cuba menghiburkannya). Kata mereka: “Semoga Allah membalas engkau dengan kebaikan.” Jawab ‘Umar: “Aku penuh harap namun juga merasa takut.” Mereka berkata: “Lantiklah penggantinya (sebagai khalifah)!” ‘Umar menjawab: “Apakah aku harus memikul beban urusan pemerintahan kamu semasa aku hidup dan mati? Aku ingin agar bahagianku (tugasku) selesai, aku tidak dibeban dan tidak mendapat kelebihan. Jika aku lantik pengganti, maka itu pernah dilakukan oleh orang yang lebih baik dari aku (iaitu Abū Bakar). Jika aku serahkan kepada kamu semua, maka itu pun pernah dilakukan oleh orang yang lebih baik dari aku iaitu Rasulullah s.a.w..” Kata ‘Abd Allāh (Ibn ‘Umar): “Aku faham, bila beliau menyebut Rasulullah s.a.w., dia tidak akan melantik sesiapa” (Hadis riwayat Muslim).”

Takhrīj: Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab *Ṣaḥīḥ* beliau (Muslim, 1955, 6:4, no. 1823).

Kesimpulan: Hadis ini *ṣaḥīḥ*.

DAPATAN KAJIAN

Ringkasnya, hadis-hadis yang digunakan dalam sukatan pelajaran Syariah STPM penggal ketiga ini terdiri daripada kategori hadis yang *ṣaḥīḥ*, *ḍaʿīf* dan sangat *ḍaʿīf*. Berikut jadual perbandingan peratus hadis mengikut pelbagai status:

Jadual 1.1: Jadual Perbandingan Peratus Hadis Mengikut Pelbagai Status

Perkara	Bilangan	Peratus
<i>Ṣaḥīḥ</i>	9	75%
<i>Ḍaʿīf</i>	1	8.3%
Sangat <i>ḍaʿīf</i> (<i>Ḍaʿīf Jiddan</i>)	2	16.7%
Jumlah	12	100%

Jadual 1.1 menunjukkan hadis-hadis dalam sukatan pelajaran Syariah STPM penggal ketiga terdiri daripada 75% hadis *ṣaḥīḥ* iaitu 9 daripada 12 hadis, 8.3% hadis *ḍaʿīf* iaitu 1 daripada 12 hadis, dan 16.7% hadis sangat *ḍaʿīf* iaitu 2 daripada 12 hadis. Berikut pula perbandingan peratus hadis yang tidak bermasalah dengan hadis yang bermasalah:

Jadual 1.2: Perbandingan Peratus Hadis Yang Tidak Bermasalah Dengan Hadis Yang Bermasalah

Perkara	Bilangan	Peratus
Hadis tidak bermasalah	9	75%
Hadis bermasalah	3	25%
Jumlah	12	100%

Jadual 1.2 menunjukkan bahawa 9 daripada 12 hadis iaitu bersamaan 75% hadis dalam sukatan pelajaran Syariah STPM penggal ketiga terdiri daripada hadis yang tidak bermasalah, iaitu hadis *ṣaḥīḥ*, manakala 3 daripada 12 hadis iaitu bersamaan 25% hadis dalam sukatan pelajaran ini merupakan hadis yang bermasalah, iaitu hadis *ḍaʿīf* dan sangat *ḍaʿīf*.

RUMUSAN

Kajian ini berjaya menganalisis hadis-hadis yang dikeluarkan daripada sukatan pelajaran Syariah STPM penggal ketiga. Kajian ini mendapati bahawa hadis yang ditemui dalam sukatan pelajaran ini terdiri daripada hadis *ṣaḥīḥ*, hadis *ḍaʿīf*, dan sangat *ḍaʿīf*. Sukatan pelajaran ini tidak menetapkan syarat untuk hanya menggunakan hadis-hadis *ṣaḥīḥ* atau *ḥasan*, sebaliknya hasil kajian menunjukkan bahawa sukatan pelajaran ini turut menggunakan hadis-hadis yang lemah.

Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa hadis-hadis yang bermasalah telah menyusup masuk ke dalam masyarakat Melayu melalui bahan rujukan utama pelajar sekolah, selain melalui bahan bacaan umum, lebih kurang sama seperti yang dibuktikan oleh Nor Bazila Shafie dan Mohd Arif Nazri pada tahun 2017 (Nor Bazila Shafie & Mohd Arif Nazri, 2017, hal. 305).

Oleh itu pengkaji ingin memberikan dua saranan berikut:

1. Kajian analisis hadis terhadap bahan rujukan pelajar dan masyarakat wajar diteruskan bagi memastikan hadis-hadis yang tergolong dalam kategori *mardūd* (tidak diterima) dapat dikenal pasti dan dianalisis, seterusnya direkodkan sebagai rujukan pada masa hadapan. Hal ini penting kerana masih terdapat banyak bahan rujukan yang belum melalui proses semakan dan analisis secara teliti, seperti buku teks yang digunakan di Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) dan buku Kitab Adab Perempuan: Juzu' yang Pertama karangan Ahmad bin Ya'kub al-Johori.
2. Pengkaji juga menyarankan agar hadis-hadis yang bermasalah dalam bahan rujukan dan bahan bacaan, terutamanya hadis-hadis yang sangat *ḍa'īf*, digantikan dengan hadis-hadis yang tidak bermasalah. Hal ini adalah disebabkan telah wujud usaha-usaha menghimpunkan hadis-hadis yang *ṣaḥīḥ* sejak dahulu sehingga sekarang, contohnya kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* karangan al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Muslim* karangan Muslim, *al-Jāmi' al-Kāmil fī al-Ḥadīth al-Ṣaḥīḥ al-Shāmil* karangan al-Ḍiyā' al-A'ẓamī, atau terjemahan Sahih al-Bukhari terbitan Pejabat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri bagi pembaca yang tidak memahami Bahasa Arab, dan banyak lagi.

RUJUKAN

- Abdul Latef, A. (2019). *Analisis Hadis Dalam Buku Teks KAFAJAKIM dan Buku Teks KSRA JAIS* (Tesis Sarjana). Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Adi Hazmi, M. R. (2023). *Aḥādīth Maddatay al-Sharī'ah wa Uṣūl al-Dīn fī al-Madāris al-Thana'īyyah al-Dīniyyah al-Mālīziyyah: Dirāsah Naqdiyyah Taḥlīliyyah* (Tesis Sarjana). Abdul Hamid Abu Sulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia.
- Al-'Asqalānī, A. 'A. (1406H). *Taqrīb al-Tahdhīb*. (Muḥammad 'Awwāmah, Ed.). Dār al-Rashīd.

- Bashshār, ‘A. M. & Al-Arnā’ūt, S. (1997). *Taḥrīr Taqrīb al-Tahdhīb*. Bayrūt: Mu’assasat al-Risālah.
- Al-Bayhaqī, A. A. (2000). *Shu‘ab al-Īmān*. (Muḥammad al-Sa‘īd, B. Z., Ed.). Bayrūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bukhārī, M. I. (1414H). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. (Muṣṭafā, D. B., Ed.). Dimashq: Dār ibn Kathīr – Dār al-Yamāmah.
- Al-Bukhārī, M. I. (2019). *Al-Tārikh al-Kabīr*. (Al-Dabbāsī, M. Ş. & Markaz Shadhā lil-Buḥūth, Eds.). Al-Riyāḍ: al-Nāshir al-Mutamayyiz.
- Al-Bustī, M. Ḥ. (1396H). *al-Majrūḥīn min al-Muḥaddithīn wa al-Ḍu‘afā’ wa al-Matrūkīn*. (Maḥmūd, I. Z., Ed.). Ḥalab: Dār al-Wa‘y.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Carian Umum. Dicapai pada 5 Mei 2025, daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sukatan+pelajaran>.
- Al-Fārisī, ‘A. B. (2012). *Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ ‘alā al-Taqāsim wa al-Anwā’* (Muḥammad ‘Alī, S. & Khālīṣ, Ā., Eds.)
- Al-Ḥākim, M. ‘A. (2018). *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*. (‘Ādil, M., et al, Ed.). Bayrūt: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah.
- Ibn Abī al-Dunyā, ‘A. M. (1980). *Al-Shukr*. (Al-Badr, B., Ed.). al-Kuwayt: al-Maktab al-Islāmī.
- Ibn Abī al-Dunyā, ‘A. M. (1997). *Al-Jū‘* (Muḥammad Khayr, R. Y., Ed.). Bayrūt, Lubnān: Dār ibn Ḥazm.
- Ibn al-Sunnī, A. M. (n.d.). *‘Amal al-Yawm wa al-Laylah*. (Al-Barnī, K., Ed.). Juddah, Bayrūt: Dār al-Qiblah li al-Thaqāfah al-Islāmiyyah wa Mu’assasat ‘Ulūm al-Qur’ān.
- Ibn ‘Asākir, ‘A. A. (1995). *Tārikh Madīnat Dimashq*. (Al-‘Amrawī, ‘U. G, Ed.). Dār al-Fikr.
- Ibn Khuzaymah, M. I. (1412H). *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*. (Al-A‘zamī, M. M., Ed.). Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.

- Jawiah, D. (2016). Takhrīj Hadith-Hadith Masyhur Dalam Masyarakat Melayu di Malaysia: Usaha Ke Arah Membersih dan Memartabatkan al-Sunnah. *Al-Fikr*, 20(1).
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2022). *Pengumuman keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2021*. <https://apps.mpm.edu.my/text-stpm2021/PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSKOLAHAN MALAYSIA STPM 2021.pdf>
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2024). *Sukatan peperiksaan – Portal Rasmi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)*. <https://www.mpm.edu.my/stpm/sukatan-peperiksaan>
- Al-Mizzī, Y. (1992). *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl*. (Bashshār, 'A. M., Ed.). Bayrūt: Mu'assasat al-Risālah.
- Al-Nasā'ī, A. S. (2001). *Al-Sunan al-Kubrā*. (Shalbī, Ḥ. 'A., Ed.). Bayrūt: Mu'assasat al-Risālah.
- Al-Nasā'ī, A. S. (2018). *Sunan al-Nasā'ī al-Mujtabā*. ('Arqasūsī, M., et al, Eds.). Bayrūt: Dār al-Risālāh al-Ālamiyyah.
- Al-Naysābūrī, M. A. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*. (Muḥammad Fu'ād, 'A., Ed.). al-Qāhirah: Maṭba'at 'Īsā al-Bābī al-Ḥalabī wa Shurakā'uh.
- Nor Bazila, S. & Mohd Arif, N. (2017). Kedudukan Hadith dalam buku *Doa-Doa Mustajab Harian Yang Dipetik Daripada Hadith Dan Al-Qur'an*: Kajian Takhrīj Hadith. *Al-Banjari: Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Keislaman*, 16(2)
- Norhasnira, I., Kauthar, A., & Siti Nur 'Ain, Z. A. (2015). Analisis status Hadis dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua KBSM. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 10(11).
- Al-Qazwīnī, M. Y. (1952). *Sunan Ibn Mājah*. (Muḥammad Fu'ād, 'A., Ed.). Dār Iḥyā' al-Kutub al-Ārabiyyah – Fayṣal 'Īsā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Al-Rāzī, 'A. A. (1952). *Al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Al-Hind: Maṭba'at Majlis Dā'irat al-Ma'ārif al-Ālmaniyyah.

- Soiferman, L. K. (2010). *Compare and contrast inductive and deductive research approaches* (Evaluative No. ED542066). ERIC. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED542066.pdf>.
- Al-Ṭabarānī, S. A. (1404H). *Al-Muʿjam al-Kabīr*. (Al-Salafī, Ḥ. ʿA., Ed.). Al-ʿIrāq: Maktabat al-ʿUlūm wa al-Ḥikam.
- Al-Ṭabarānī, S. A. (1984). *Musnad al-Shāmiyyīn*. (Al-Salafī, Ḥ. ʿA., Ed.). Bayrūt: Muʾassasat al-Risālah.
- Al-Tirmidhī, M. ʿI. (2009). *Sunan al-Tirmidhī*. (Al-Arnāʾūṭ, S., et al, Ed.). Bayrūt: Dār al-Risālāh al-ʿĀlamiyyah.
- Al-ʿUqaylī, M. ʿA. (1404H). *al-Ḍuʿafāʾ al-Kabīr*. (Qalʿajī, ʿA. A., Ed.). Bayrūt: Dār al-Maktabah al-ʿIlmiyyah.
- Yahyā, S. (2004). *Tafsīr Yahyā bin Sallām*. (Shalabī, H., Ed.). Bayrūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.